

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 AUGUST 2016

Pribumi *copy and paste* UMNO – Irmohizam

UM - 12/8/2016

KUALA LUMPUR 11

Ogos - Parti Pribumi yang ditunjangi Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak ubah seperti *copy and paste* perjuangan UMNO serta gagal menunjukkan sebarang kelainan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, oleh itu beliau khawatir parti baharu tersebut hanya sekadar diperalatkan oleh Dr. Mahathir untuk meneruskan legasi kepemimpinannya.

“Namun saya kecewa dengan parti baharu ini, di sebalik berhasrat mempertahankan hak rakyat sama seperti mana perjuangan UMNO, terdapat satu agenda khusus iaitu mahu menumbangkan Barisan Nasional (BN).”

“Pada pandangan saya, ada sesuatu yang tidak kena kerana menyimpang dari objektif penubuhan dan saya khawatir ia cuma mahu meneruskan legasi Dr. Mahathir sahaja,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



**IRMOHIZAM
IBRAHIM**

Irmohizam menambah, menubuhkan parti baharu kini seolah-olah sudah menjadi budaya politik di Malaysia apabila pihak tidak sealiran bertindak mewujudkan wadah berbeza tanpa memikirkan risiko perpecahan.

Katanya, jika keadaan sedemikian berterusan, rakyat khususnya orang Melayu akan menjadi semakin lemah akibat perpecahan yang berpunca daripada perbezaan ideologi politik.

“Bagaimanapun dalam konteks UMNO, saya yakin ahli-ahli di segenap peringkat cukup bijak membuat penilaian kerana apa yang penting kita perlu sentiasa fokus bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.”

“Adalah sesuatu yang amat malang jika kewujudan parti baharu ini mendatangkan perpecahan kepada kita sehingga menjurus kepada kejatuhan BN dan disebabkan itulah, ukhuwah di antara kita perlu dikukuhkan,” katanya.